

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

HGT 211 - Teknik-Teknik dalam Geografi I

Masa: [3 jam]

Kertas peperiksaan ini mengandungi SEMBILAN [9] soalan dalam TIGA [3] muka surat.

Jawab TUJUH [7] soalan. SEMUA soalan daripada Bahagian A MESTI dijawab dan DUA [2] soalan daripada Bahagian B.


BAHAGIAN A - Jawab SEMUA soalan [50 markah]

Semua Soalan adalah berdasarkan kepada Peta Topografi Malaysia Siri L7030, Kota Kuala Muda (Lembar 3266). Semua jawapan hendaklah berdasarkan bukti-bukti daripada peta sahaja.

1. (a) Kirakan luas kawasan Hutan Rizab Pantai Acheh (PG450050) yang melebihi 200 m tinggi. (10 markah)
- (b) Berikan luas kawasan di Soalan (a) di atas dalam hektar. (2.5 markah)
- (c) Berikan luas kawasan di dalam Soalan 1 (a) di atas dalam batu persegi. (2.5 markah)

2. (a) Apakah jarak sebenar (jarak di atas tanah) di antara Bukit Western (PG519009) dan Ayer Terjun (PG507045) melalui garis lurus di antara dua titik tersebut? (5 markah)
- (b) Lukis sebuah keratan rentas (Pandangan dari Barat) dari Bukit Western (PG519009) ke Ayer Terjun (PG507045). Gunakan skala tegak 1sm: 200m. Apakah Lampauan Tegak keratan tersebut? (10 markah)

3. Dengan menggunakan skala 1:25,000 lukis semula kawasan X yang diliputi oleh grid-grid berikut:



(10 markah)

4. Lukis pola-pola saluran dan garis sempadan bagi Lembangan Saliran Sg. Pantai Kerachut (PG450038).

(5 markah)

5. Nyatakan kaedah-kaedah yang telah digunakan di dalam peta Kota Kuala Muda untuk menunjukkan ketinggian sesuatu tempat. Berikan contoh untuk setiap satu kaedah.


(5 markah)

BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan [50 markah]


6. Dengan merujuk kepada peta Siri L7030 huraikan peringkat-peringkat pentafsiran sesuatu peta topografi dari aspek pandangan darat fizikalnya. Berikan contoh-contoh yang sesuai.

(25 markah)

7. Berdasarkan bukti-bukti yang nyata daripada peta Siri L7030, bincangkan perbezaan utama di dalam pola gunatanah di kawasan-kawasan yang dilingkungi oleh grid-grid dalam gambarajah (a) dan (b).



(a)



(b)

(25 markah)

.../3

8. Dengan merujuk kepada peta Siri L7030 bincangkan kepentingan faktor-faktor saluran dan bentuk muka bumi dalam mempengaruhi aktiviti-aktiviti ekonomi. Berikan contoh-contoh yang sesuai. (25 markah)
9. Huraikan jenis-jenis pola petempatan, dan pada pendapat anda sejauh manakah pola-pola petempatan di dalam peta ini dipengaruhi oleh aktiviti-aktiviti ekonomi dan sistem pengangkutan. (25 markah)

-ooo000ooo-